

Bil. S 17

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT (KESIHATAN AWAM) (MAKANAN), 1998

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraihan (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini membuat Perintah yang berikut –

Gelaran,  
permulaan  
kuatkuasa  
dan tidak  
mengurangkan.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Kesihatan Awam) (Makanan), 1998 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh yang akan ditetapkan dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* oleh Menteri.

(2) Peruntukan-peruntukan Perintah ini adalah sebagai tambahan kepada dan tidak mengurangkan apa-apa peruntukan sebarang undang-undang bertulis lain.

Tafsiran.

2. Dalam Perintah ini, kecuali jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain –

“iklan” bermakna sebarang gambaran dengan sebarang cara apa pun bagi maksud menggalakkan secara langsung atau tidak langsung penjualan atau pelupusan lain sebarang makanan ;

“analisa” termasuk cerakin mikro-biologi ;

“alat” termasuk keseluruhan atau mana-mana bahagian sebarang perkakas, jentera, alatan, kelengkapan atau barang yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan dalam atau bagi membuat, menyimpan, menyediakan atau membekalkan sebarang makanan ;

“barang” bermakna sebarang bahan pelabelan atau pengiklanan berkaitan dengan, dan apa-apa jua yang digunakan bagi penyediaan, pengawetan, pembungkusan atau penyimpanan, sebarang makanan ;

“Pengarah” bermakna Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan dan sesiapa jua yang diberi kuasa olehnya untuk bertindak bagi pihaknya pada menjalankan sebarang tugas yang diberi atau dikenakan kepadanya oleh Perintah ini ;

“makanan” termasuk sebarang bahan yang dikilang, diproses, dijual atau dinyatakan untuk kegunaan bagi makanan manusia, bahan kunyah, dan sebarang ramuannya ;

“penganalisa makanan” bermakna seseorang yang dilantik di bawah ceraihan (1) bab 3 ;

“pegawai makanan” bermakna seseorang yang dilantik di bawah ceraiian [2] bab 3 ;

“Hukum Syarak” bermakna Undang-Undang Islam mengikut Mazhab Shafie atau mengikut mana-mana mazhab lain yang diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk dikuatkuasakan di Negara Brunei Darussalam ;

“import” tidak termasuk pembawaan masuk ke Negara Brunei Darussalam dengan jalan darat, air atau udara sebarang makanan atau alat yang terbukti dimaksudkan untuk dibawa keluar dari Negara Brunei Darussalam di dalam kenderaan, kapal atau pesawat udara yang sama di mana ia dibawa masuk ke Negara Brunei Darussalam tanpa sebarang pendaratan atau pemindahan ke kapal di dalam Negara Brunei Darussalam ;

“pengimport” termasuk mana-mana orang yang, sama ada sebagai pemilik, pengirim konsainmen, penerima konsainmen, ejen atau broker, memiliki ataupun dengan cara lain berhak menjaga atau mengawal barang-barang yang diimport ;

“ramuan” termasuk ramuan dari suatu ramuan ;

“keadaan kotor” bermakna keadaan atau hal keadaan yang mungkin mendatangkan pencemaran sebarang makanan atau menyebabkannya memudaratkan kesihatan atau tidak sesuai untuk makanan manusia ;

“label” termasuk sebarang tanda, jenama, cap, bahan bergambar atau berperihalain lain, yang ditulis, dicetak, distensil, dicap, dicat, dicetak timbul atau ditera pada, atau dilekatkan pada, dimasukkan di dalam, kepunyaan atau disertakan dengan sebarang makanan ;

“Menteri” bermakna Menteri Kesihatan ;

“bungkusan” termasuk apa-apa jua di mana atau sebarang cara yang dengannya sebarang makanan seluruhnya atau sebahagiannya disarung, dibalut, ditutup, diisi, diletakkan ataupun dengan cara lain dibungkus, dan termasuk suatu bakul, baldi, botol, dulang atau bekas apa pun jenisnya, sama ada terbuka atau tertutup ;

“bangunan” –

- (a) termasuk suatu binaan, khemah atau struktur lain, sama ada tetap ataupun tidak, dan sebarang tanah berdampingan yang digunakan berhubung dengannya, dan juga termasuk suatu kenderaan ; dan

- (b) dalam bab 4, selain itu adalah dianggap termasuk suatu tempat awam dan suatu kenderaan, yang digunakan bagi atau berhubung dengan penyediaan, pengawetan, pembungkusan, penyimpanan, pembawaan, pengagihan atau penjualan apa-apa barang ;

“penyediaan” termasuk pengilangan, pemprosesan dan sebarang bentuk rawatan ;

“menjual” termasuk menawarkan, mengiklankan, menyimpan, mendedahkan untuk jualan, mengiriskan, membawa, menghantar atau menyediakan untuk jualan atau pertukaran, melupuskan untuk sebarang balasan apa pun, atau mengiriskan, membawa atau menghantar menurut sebarang jualan, pertukaran atau pelupusan itu ;

“bahan” termasuk suatu cecair ;

“kenderaan” termasuk kenderaan bermotor, kapal, pesawat udara dan basikal.

Penganalisa makanan dan pegawai makanan.

3. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik sebilangan penganalisa makanan sebagaimana yang mungkin dianggap perlu oleh Baginda bagi maksud Perintah ini.

(2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik sebilangan pegawai makanan sebagaimana yang mungkin dianggap perlu oleh Baginda bagi maksud Perintah ini, dan tiap-tiap pegawai makanan hendaklah dikeluarkan dengan kad kuasa sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Menteri untuk dibawa oleh pegawai-pegawai itu.

Penggal 22.

(3) Semua penganalisa makanan dan pegawai makanan hendaklah dianggap sebagai pegawai kerajaan dalam makna Kanun Hukuman Jenayah.

(4) Menteri hendaklah sekurang-kurangnya sekali pada tiap-tiap tahun menyiarkan atau menyebabkan supaya disiarkan dalam *Warta Kerajaan* nama-nama orang yang dilantik di bawah bab ini sebagai penganalisa makanan atau pegawai makanan.

Kuasa-kuasa pegawai makanan.

4. (1) Mana-mana pegawai makanan boleh, pada bila-bila masa yang munasabah –

- (a) memasuki sebarang bangunan di mana dia mempunyai alasan yang munasabah untuk dipercayai sebarang

makanan disediakan, diawet, dibungkus, disimpan, dibawa, diagihkan atau dijual dan memeriksa sebarang makanan itu dan mengambil contoh-contohnya, dan memeriksa apa-apa jua yang dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai digunakan, atau boleh digunakan, bagi atau berhubung dengan penyediaan, pengawetan, pembungkusan, penyimpanan, pembawaan, pengagihan atau penjualan itu ;

- (b) atas bayaran atau tawaran nilai pasaran semasa makanan, memilih dan mengambil contoh-contoh makanan itu untuk dianalisa oleh seseorang penganalisa makanan :

Dengan syarat bahawa jika makanan itu disimpan untuk jualan runcit di dalam suatu bungkusan yang tidak dibuka, tiada sesiapa pun boleh dikehendaki untuk membenarkan supaya dipilih dan diambil kurang dari seluruh kandungan bungkusan itu ;

- (c) tanpa bayaran, di mana-mana tempat, meminta, memilih dan mengambil contoh-contoh sebarang makanan untuk dianalisa oleh seseorang penganalisa makanan daripada mana-mana pengilang yang membuat makanan untuk jualan, atau daripada mana-mana pengimport sebarang makanan ;
- (d) menghendaki pemeriksaan bungkusan di mana sebarang makanan yang disebutkan dalam perenggan (c) disimpan dan memilih dan mengambil daripadanya contoh-contoh yang diminta ;
- (e) memberhentikan, memeriksa atau menahan sebarang kenderaan di mana dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai sebarang makanan dibawa, dan memeriksa makanan itu dan mengambil contoh-contohnya ;
- (f) membuka dan memeriksa sebarang bungkusan yang dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai mengandungi sebarang makanan ;
- (g) memeriksa sebarang buku, dokumen atau rekod lain yang dijumpai di mana-mana bangunan yang disebutkan dalam perenggan (a) yang dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai mengandungi sebarang maklumat yang berkaitan dengan penguatkuasaan Perintah ini, dan membuat atau menyebabkan supaya dibuat salinannya atau mengambil cabutan daripadanya ;

- (h) merampas dan menahan untuk suatu masa sebagaimana yang mungkin diperlukan sebarang makanan atau alat yang dengannya atau yang berkenaan dengannya dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai sebarang peruntukan Perintah ini telah dilanggar ;
- (i) meminta pengemukaan bukti pengenalan, lesen perniagaan atau sebarang dokumen lain yang dianggapnya berkaitan ;
- (j) menanda, melak ataupun dengan cara lain mengikat, menimbang, mengira atau menyukat sebarang makanan atau alat, yang penyediaan, pengawetan, pembungkusan, penyimpanan, pembawaan, pengagihan atau penjualannya adalah, atau yang dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai sebagai, berlawanan dengan Perintah ini.

(2) Seseorang pegawai makanan yang bertindak di bawah bab ini hendaklah, apabila diminta, menyatakan jawatannya dan mengemukakan kad kuasanya.

(3) Seseorang pegawai makanan hendaklah dengan serta-merta melepaskan sebarang makanan yang dirampas olehnya jika dia berpuas hati bahawa peruntukan-peruntukan Perintah ini berhubung dengannya telah dipatuhi.

(4) Jika seseorang pegawai makanan telah merampas sebarang makanan dan pemilik atau orang yang ada dalam miliknya makanan itu pada masa perampasan itu bersetuju secara bertulis terhadap pemusnahannya, makanan itu boleh dimusnahkan ataupun dengan cara lain dilupuskan sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh pegawai makanan itu ; dan jika pemilik atau orang itu tidak bersetuju, pegawai makanan itu hendaklah dengan serta-merta memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan suatu perintah bagi pemusnahan atau pelupusan makanan itu dan Mahkamah hendaklah selepas itu membuat suatu perintah sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut, walaupun pemilik atau orang itu belum disabitkan atas sebarang kesalahan berhubung dengannya.

(5) Jika seseorang pegawai makanan telah merampas sebarang makanan yang jenisnya cepat rosak dan pemilik atau orang yang ada dalam miliknya makanan itu pada masa perampasan itu tidak bersetuju secara bertulis terhadap pemusnahannya, pemilik atau orang itu hendaklah bertanggung untuk menyimpan makanan itu sementara menunggu suatu perintah Mahkamah.

(6) Jika sebarang makanan atau alat telah dirampas dan ditahan di bawah perenggan (h) ceraian (1) dan pemiliknya telah disabitkan atas suatu kesalahan berhubung dengannya, makanan atau alat itu boleh dimusnahkan ataupun dengan cara lain dilupuskan sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah.

(7) Dengan tidak menghiraukan sebarang peruntukan lain bab ini, seseorang pegawai makanan boleh memusnahkan sebarang makanan yang dianggapnya memudaratkan kesihatan atau tidak sesuai untuk makanan manusia, yang pengimportannya adalah dilarang, atau yang telah diserahkan oleh pemiliknya untuk dimusnahkan.

(8) Seseorang pegawai makanan boleh menghantar sebarang makanan yang dirampas olehnya atau sebarang contoh daripadanya untuk dianalisa oleh seseorang penganalisa makanan.

(9) Jika perampasan sebarang makanan atau alat dibuat di bawah perenggan (h) ceraian (1), pegawai makanan yang membuat perampasan itu hendaklah dengan serta-merta memberi notis secara bertulis mengenai perampasan itu dalam Borang 1 dalam Jadual kepada pemilik atau kepada pengirim konsainmen atau kepada ejen pemilik makanan atau alat yang dirampas itu, jika nama dan alamatnya disertakan dengannya ataupun dengan cara lain diketahui oleh pegawai makanan itu dan alamat tersebut adalah di Negara Brunei Darussalam.

Jadual.

5. (1) Pengarah boleh secara bertulis mengarahkan mana-mana orang yang menjalankan suatu perniagaan yang melibatkan pengeluaran, pengimportan atau penjualan sebarang makanan, alat atau bahan yang dikenakan Perintah ini supaya memberi kepadanya, dalam masa sebagaimana yang mungkin dinyatakan di dalamnya, butir-butir sebagaimana yang mungkin dinyatakan.

Kuasa-kuasa  
Pengarah.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan makna ceraian (1), suatu arahan yang dibuat di bawahnya boleh menghendaki supaya butir-butir diberikan mengenai –

- (a) komposisi dan formula kimia makanan atau bahan itu ;
- (b) cara bagaimana makanan atau bahan itu digunakan atau dicadangkan hendak digunakan dalam penyediaan makanan ;
- (c) sebarang penyiasatan yang dijalankan oleh atau pada pengetahuan orang itu, bagi maksud menentukan sama ada dan setakat manakah makanan atau bahan itu, atau sebarang hasil yang terbentuk apabila makanan atau bahan itu digunakan, memudaratkan kesihatan ; dan

- (d) sebarang penyiasatan atau siasatan yang dijalankan oleh atau pada pengetahuan orang itu, bagi maksud menentukan kesan kumulatif ke atas kesihatan seseorang yang memakan makanan atau bahan itu dalam kuantiti biasa.

(3) Tiada butir yang diberikan menurut suatu arahan di bawah ceraian (1) dan tiada maklumat berkenaan dengan sebarang perniagaan yang diperolehi dengan menggunakan butir-butir itu boleh, tanpa persetujuan bertulis yang terdahulu daripada orang yang menjalankan perniagaan itu, didedahkan kecuali dalam menunaikan tugas-tugas Pengarah di bawah Perintah ini.

(4) Jika Pengarah mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa sebarang bangunan yang digunakan bagi atau berhubung dengan penyediaan, pengawetan, pembungkusan, penyimpanan, pembawaan, pengagihan atau penjualan makanan, atau apa-apa barang atau alat yang digunakan bagi atau berhubung dengan sebarang maksud itu berkeadaan tidak mematuhi kehendak-kehendak sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam Perintah ini, dia boleh, dengan suatu arahan bertulis yang disampaikan kepada tuanpunya, pemilik atau penghuni bangunan itu atau kepada tuanpunya atau pemilik barang atau alat itu, memerintahkan supaya bangunan, barang atau alat itu diletakkan dalam suatu keadaan yang memuaskan hati seseorang pegawai makanan dalam tempoh yang dinyatakan dalam arahan itu.

(5) Jika setelah tamat tempoh itu, Pengarah tidak berpuas hati bahawa bangunan, barang atau alat yang dimaksudkan oleh perintah itu telah diletakkan dalam suatu keadaan yang mematuhi kehendak-kehendak tersebut, dia boleh dengan suatu arahan bertulis yang disampaikan kepada tuanpunya, pemilik atau penghuni itu memerintahkan bahawa –

- (a) bangunan itu hendaklah tidak dipakai bagi penyediaan, pengawetan, pembungkusan, penyimpanan atau penjualan atau, dalam hal suatu kenderaan, bagi pembawaan, pengagihan atau penjualan makanan ; dan
- (b) barang atau alat itu hendaklah tidak digunakan dalam atau bagi penyediaan, pengawetan, pembungkusan, pengendalian, pembekalan atau penghidangan makanan,

sehingga seseorang pegawai makanan telah memberi kepada orang itu suatu perakuan bahawa bangunan, barang atau alat itu telah diletakkan dalam suatu keadaan yang mematuhi kehendak-kehendak tersebut.

(6) Jika suatu arahan di bawah ceraiian (5) telah disampaikan kepada tuanpunya, pemilik atau penghuni sebarang bangunan, atau kepada tuanpunya atau pemilik apa-apa barang atau alat, dan suatu perakuan berkaitan dengannya belum diberikan selepas itu, tiada sesiapa pun boleh –

- (a) memakai atau menggunakan bangunan itu atau mana-mana bahagiannya bagi penyediaan, pengawetan, pembungkusan, penyimpanan atau penjualan atau, dalam hal suatu kenderaan, bagi pembawaan, pengagihan atau penjualan makanan ; atau
- (b) menggunakan barang atau alat itu dalam atau bagi penyediaan, pengawetan, pembungkusan, pengendalian, pembekalan atau penghidangan makanan.

6. (1) Tertakluk kepada ceraiian-ceraiian (2) dan (3), tiada makanan atau alat boleh diimport yang tidak mematuhi Perintah ini dan sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya.

Pengimportan.

(2) Jika sebarang makanan yang diminta untuk diimport adalah makanan proses dalam bentuk siap yang, jika dijual di Brunei, akan menjadi suatu kesalahan berkenaan dengan pelabelan, ia boleh diimport bagi maksud pelabelan semula supaya ia dapat dibuat bagi mematuhi Perintah ini.

(3) Jika sebarang makanan yang diminta untuk diimport adalah makanan mentah atau separa proses yang, jika dijual di Brunei, akan menjadi suatu kesalahan terhadap Perintah ini, ia boleh diimport bagi maksud pemprosesan semula atau penyesuaian semula supaya ia dapat dibuat bagi mematuhi Perintah ini.

(4) Jika makanan itu diimport di bawah ceraiian-ceraiian (2) dan (3) dan tidak dilabel semula, diproses semula atau disesuaikan semula dalam masa tiga bulan dari pengimportannya, ia hendaklah dieksport oleh pengimport dalam masa dua bulan atau suatu tempoh yang lebih lama sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah atau, jika ia tidak dieksport, hendaklah dilucuthak atau dilupuskan sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Pengarah.

(5) Pengarah boleh menghendaki pengimport supaya melabel semula, memproses semula atau menyesuaikan semula sebarang makanan yang dikenakan ceraiian-ceraiian (2) dan (3) di suatu tempat yang akan dinyatakan olehnya dan di bawah pengawasan dan sehingga memuaskan hati seseorang pegawai makanan.

(6) Menteri boleh mengecualikan sebarang makanan atau jenis makanan dari ceraiian-ceraiian (2) dan (3).

Akujanji bertulis bagi makanan yang ditetapkan.

7. Tiada pengilang atau pengedar, atau peniaga, sebarang makanan atau alat yang ditetapkan oleh Menteri boleh menjual makanan atau alat itu di Negara Brunei Darussalam melainkan jika ia disertakan dengan suatu akujanji bertulis bahawa ia mematuhi Perintah ini.

Sijil penganalisa makanan.

8. (1) Suatu sijil mengenai hasil suatu analisa yang diberikan oleh seseorang penganalisa makanan hendaklah dalam Borang 2 dalam Jadual dan ditandatangani oleh penganalisa makanan itu, tetapi analisa itu boleh dibuat oleh seseorang yang bertindak di bawah arahan penganalisa makanan itu.

Jadual.

(2) Satu salinan hasil sebarang analisa mana-mana makanan atau alat yang diperolehi oleh seseorang pegawai makanan boleh didapati daripada penganalisa makanan itu oleh orang yang daripadanya barang yang dianalisa itu dibeli atau didapati, dengan membayar bayaran sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

(3) Tiada salinan hasil sebarang analisa itu boleh digunakan sebagai suatu iklan, dan mana-mana orang yang menggunakannya demikian adalah melakukan kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$5,000.

(4) Dengan tidak menghiraukan sebarang undang-undang bertulis lain, suatu sijil yang dikatakan ditandatangani oleh seseorang penganalisa makanan dan dikatakan berkaitan dengan sebarang makanan atau alat hendaklah diterima sebagai keterangan dalam prosiding atas suatu kesalahan di bawah Perintah ini apabila ia dikemukakan oleh pihak pendakwa tanpa bukti tandatangan dan, sehingga dibuktikan sebaliknya, hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai semua perkara yang terkandung di dalamnya.

Kesalahan-kesalahan.

9. (1) Mana-mana orang yang –

- (a) menyediakan, menjual atau mengimport sebarang makanan yang memudaratkan kesihatan, tidak sesuai untuk makanan manusia atau beraduk ;
- (b) melabel, membungkus, menyediakan, menjual atau mengiklankan sebarang makanan dengan cara yang salah, mengeliru atau memperdayakan tentang ciri, jenis, nilai, bahan, kualiti, komposisi, merit atau keselamatan, kekuatan, ketulenan, berat, asal, umur atau kadarannya, atau dengan melanggar bab 10 atau peruntukan-peruntukan lain Perintah ini ;
- (c) melabel, membungkus, menyediakan, mengilang, menjual, mengimport atau mengiklankan sebarang makanan yang tidak mematuhi sebarang piawaian yang telah ditetapkan

bagi makanan itu, dengan sebegitu rupa sehingga ia mungkin disalahanggap sebagai makanan dari piawaian yang ditetapkan ;

- (d) menjual sebarang makanan yang mengandungi sebarang bahan yang penambahan atau penggunaannya adalah dilarang oleh sebarang peraturan yang dibuat di bawah Perintah ini ;
- (e) menjual sebarang makanan yang mengandungi sebarang bahan yang kadarnya lebih banyak dari yang dibenarkan oleh sebarang peraturan yang dibuat di bawah Perintah ini.
- (f) menjual sebarang makanan yang mengandungi lebih daripada 50 bahagian metil alkohol, isopropil alkohol atau alkohol denaturasi dalam satu juta bahagian makanan ;
- (g) menjual sebarang makanan yang bukan dari jenis, bahan atau kualiti barang yang diminta oleh pembeli ;
- (h) iaitu pemilik, penghuni atau orang yang menjaga sebarang bangunan yang dimasuki oleh seseorang pegawai makanan menurut perenggan (a) ceraihan (1) bab 4, atau mana-mana orang yang dijumpai di dalamnya, tidak memberi kepadanya segala bantuan yang munasabah atas kuasanya atau tidak memberi kepadanya segala maklumat sebagaimana yang mungkin dikehendakinya dengan munasabah ;
- (i) menghalang seseorang pegawai makanan semasa menjalankan kewajipannya atau menahan pelaksanaan olehnya akan kewajipannya ;
- (j) dengan mengetahui membuat sebarang pernyataan palsu atau mengelirukan kepada seseorang pegawai makanan yang terlibat dalam menjalankan tugas-tugasnya ;
- (k) memindahkan, mengubah atau mengganggu dalam apa jua cara sebarang makanan atau alat yang telah dirampas di bawah Perintah ini tanpa kebenaran seseorang pegawai makanan ;
- (l) tanpa kebenaran membuka, mengubah, memecahkan, membuang atau memadam sebarang tanda, yang dilekatkan atau dibubuh lak oleh seseorang pegawai makanan menurut Perintah ini pada sebarang makanan atau alat atau pada sebarang bungkusan, tempat, pintu atau bukaan yang mengandungi atau memberikan akses kepada sebarang makanan atau alat ;

- (m) melanggar ceraiian (3) bab 5 ;
- (n) melanggar ceraiian (6) bab 5 ;
- (o) melanggar bab 7 ; atau
- (p) melanggar sebarang peruntukan lain Perintah ini,

adalah melakukan kesalahan : Hukuman –

- (i) dalam hal suatu kesalahan di bawah perenggan-perenggan (a), (b), (c), (d), (e), (f), (g), (m) atau (n), penjara selama 5 tahun atau suatu denda atau kedua-duanya sekali ;
- (ii) dalam hal suatu kesalahan di bawah perenggan (o), penjara selama 3 tahun atau suatu denda atau kedua-duanya sekali ;
- (iii) dalam hal suatu kesalahan di bawah perenggan-perenggan (h), (i), (j), (k), (l) atau (p), penjara selama satu tahun atau suatu denda atau kedua-duanya sekali.

(2) Apabila seseorang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Perintah ini, Mahkamah boleh, selain dari sebarang hukuman lain, memerintahkan penggantungan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 bulan atau pembatalan sebarang lesen mengenai atau menyentuh pengilangan, penjualan atau pelupusan sebarang makanan atau alat yang dikeluarkan atau diberikan kepadanya di bawah sebarang undang-undang bertulis lain.

(3) Jika seseorang telah disabitkan atau suatu kesalahan di bawah Perintah ini, Mahkamah boleh memerintahkan supaya dirampas menjadi hak Kerajaan apa-apa barang yang dengannya atau yang berkenaan dengannya kesalahan itu dilakukan dan sebarang makanan yang sama jenisnya yang dipunyai oleh atau ada dalam milik orang itu atau didapati dengan barang atau makanan itu, dan atas perintah yang dibuat itu, barang atau makanan itu hendaklah dilupuskan mengikut cara sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah.

Penggunaan  
ungkapan-  
ungkapan  
"Halal" dsb.

10. Apabila digunakan berhubung dengan makanan dalam sebarang bentuk apa pun semasa menjalankan perdagangan atau perniagaan yang ada kaitannya dengan makanan, ungkapan-ungkapan "Halal", "Ditanggung Halal" atau "Makanan Islam" atau sebarang ungkapan lain yang menunjukkan atau mungkin difahami sebagai menunjukkan bahawa orang Islam adalah dibenarkan menurut agama mereka untuk

memakan makanan itu, ungkapan-ungkapan itu hendaklah mempunyai makna yang berikut, iaitu makanan yang berhubung dengannya ungkapan-ungkapan atau ungkapan itu digunakan –

- (a) bukan merupakan dan juga tidak terdiri daripada atau mengandungi mana-mana bahagian atau bahan binatang yang dilarang menurut Hukum Syarak untuk dimakan oleh orang Islam atau yang telah tidak disembelih menurut Hukum Syarak ;
- (b) tidak mengandungi apa-apa jua yang dianggap tidak suci menurut Hukum Syarak ;
- (c) telah tidak disediakan, diproses atau dikilang dengan menggunakan sebarang alatan yang tidak bebas dari apa-apa jua yang tidak suci menurut Hukum Syarak ; dan
- (d) semasa menyediakan, memproses atau menyimpan telah tidak bersentuhan atau berdekatan dengan sebarang makanan yang gagal memenuhi perenggan (a), (b) atau (c) atau apa-apa jua yang dianggap tidak suci menurut Hukum Syarak.

11. (1) Adalah menjadi suatu pembelaan dalam suatu pendakwaan kerana suatu kesalahan di bawah Perintah ini jika defendan membuktikan bahawa –

Pembelaan.

- (a) dia telah membeli makanan atau alat yang dijual olehnya dengan bergantung kepada suatu waranti atau pernyataan bertulis lain tentang jenisnya, yang ditandatangani oleh atau bagi pihak orang yang daripadanya dia telah membelinya ;
- (b) dia tidak mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa makanan atau alat itu tidak menepati waranti atau pernyataan bertulis lain itu ; dan
- (c) jika makanan atau alat itu telah menepati waranti atau pernyataan bertulis lain itu, penjualannya olehnya tidak akan menjadi kesalahan :

Dengan syarat bahawa tiada waranti atau pernyataan bertulis lain yang dibuat oleh seseorang yang bermastautin atau menjalankan perniagaan di luar Negara Brunei Darussalam boleh menjadi suatu pembelaan di bawah bab ini melainkan jika defendan membuktikan bahawa dia telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan, dan sebenarnya percaya pada, kesahihan waranti atau pernyataan bertulis lain itu.

(2) Mana-mana orang yang berkaitan dengan sebarang makanan atau alat yang dijual olehnya sebagai prinsipal atau ejen memberi kepada pembeli suatu waranti palsu secara bertulis adalah melakukan kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan hukuman penjara selama satu tahun atau suatu denda atau kedua-duanya sekali, dan bagi sebarang kesalahan yang berikutnya dihukum penjara selama 3 tahun atau suatu denda atau kedua-duanya sekali, melainkan jika dia membuktikan sehingga memuaskan hati Mahkamah bahawa apabila dia memberi waranti itu dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa pernyataan atau perihalan yang terkandung di dalamnya adalah benar.

Anggapan dsb.

12. (1) Dalam prosiding di bawah Perintah ini –

- (a) bungkusan yang mengandungi suatu barang yang dikenakan Perintah ini, atau mempunyai suatu nama, alamat atau tanda orang yang mengimport, mengilang atau membungkusnya hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, dianggap telah diimport, dikilang atau dibungkus oleh orang itu ;
- (b) sebarang bahan yang biasanya digunakan untuk makanan manusia, jika dijual atau ditawarkan, didedahkan atau disimpan untuk jualan, hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, dianggap telah dijual atau dimaksudkan untuk jualan, bagi makanan manusia ;
- (c) sebarang bahan yang biasanya digunakan untuk makanan manusia yang dijumpai di dalam bangunan yang digunakan bagi penyediaan, penyimpanan atau penjualan bahan itu dan sebarang bahan yang biasanya digunakan dalam pengilangan keluaran untuk makanan manusia yang dijumpai di dalam bangunan yang digunakan bagi penyediaan, penyimpanan atau penjualan keluaran itu hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, dianggap sebagai dimaksudkan untuk jualan, atau bagi pengilangan keluaran untuk jualan, bagi makanan manusia ;
- (d) sebarang bahan yang boleh digunakan dalam komposisi atau penyediaan sebarang bahan yang biasanya digunakan untuk makanan manusia yang dijumpai di dalam bangunan di mana bahan itu disediakan hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, dianggap sebagai dimaksudkan bagi kegunaan itu ;

- (e) kandungan sebarang bungkus yang ternyata tidak rosak dan dalam keadaan pembungkusan asal oleh pengilang hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, dianggap sebagai makanan dari perihalan mengikut label bungkus itu.

(2) Bagi maksud-maksud Perintah ini, sebarang makanan hendaklah dianggap sebagai beraduk jika –

- (a) ia mengandungi atau bercampur atau dicairkan dengan sebarang bahan yang dalam apa jua cara mengurangkan zat atau sifat-sifat berguna lainnya berbanding dengan makanan yang berkeadaan tulen dan normal, atau berkeadaan tidak buruk dan baik, atau yang dalam apa jua cara lain dikendalikan atau mungkin dikendalikan sehingga menjejaskan atau mendatangkan keburukan kepada pembeli atau pengguna ;
- (b) sebarang bahan atau ramuan telah diekstrak atau ditinggalkan daripadanya, dan dengan sebab pengextrakan atau peninggalan itu zat atau sifat-sifat berguna lain makanan yang dijual itu kurang daripada zat atau sifat-sifat berguna lain makanan yang keadaannya tulen dan normal atau pembeli atau pengguna terjejas atau mungkin terjejas dalam apa jua cara ;
- (c) ia mengandungi atau bercampur atau dicairkan dengan sebarang bahan yang nilai dagangannya rendah dari makanan yang berkeadaan tulen dan normal dan berkeadaan tidak buruk dan baik ;
- (d) ia tidak mematuhi piawaian yang ditetapkan ; atau
- (e) ia mengandungi sebarang bahan yang menyebabkan makanan itu memudaratkan kesihatan.

(3) Bagi maksud-maksud Perintah ini –

- (a) tiap-tiap orang hendaklah dianggap menjual sebarang makanan atau alat yang menjual makanan atau alat itu sama ada atas tanggungannya sendiri atau sebagai ejen atau pekerja mana-mana orang lain ; dan
- (b) dalam hal sebarang penjualan oleh seseorang ejen atau pekerja, prinsipal atau majikannya hendaklah di bawah liabiliti yang sama seolah-olah dia telah melakukan penjualan itu sendiri.

Tidak mendedahkan maklumat.

13. (1) Tiada pendakwa atau saksi dalam sebarang pendakwaan di bawah Perintah ini boleh dipaksa untuk mendedahkan fakta bahawa dia telah mendapat sebarang maklumat atau jenis maklumat itu atau nama mana-mana orang yang telah memberi maklumat itu.

(2) Pengarah, dan tiada pegawai makanan atau penganalisa makanan yang hadir sebagai pendakwa atau saksi, boleh dipaksa untuk mengemukakan sebarang laporan atau dokumen sulit yang dibuat atau didapat olehnya atas sifat rasminya atau membuat sebarang pernyataan berkenaan dengannya.

Mendapatkan kembali bayaran dsb., yang bersampingan dengan pendakwaan.

14. (1) Apabila mana-mana orang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Perintah ini, Mahkamah boleh memerintahkan bahawa segala bayaran dan perbelanjaan lain yang bersampingan dengan penganalisaan sebarang makanan atau alat yang berkaitan dengannya penyabitkan itu diperoleh, dan sebarang perbelanjaan lain yang munasabah yang dilakukan oleh pihak pendakwa, hendaklah dibayar oleh orang yang telah disabitkan itu.

(2) Segala bayaran dan perbelanjaan itu boleh didapatkan kembali mengikut cara yang sama sebagaimana suatu denda boleh didapatkan kembali.

Penjualan alat yang dilarang.

15. (1) Menteri boleh, dengan kenyataan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, melarang selepas tarikh yang disebutkan di dalamnya pengimportan, pengiklanan atau penjualan sebarang alat yang, pada pendapat Menteri, memudaratkan nyawa atau kesihatan.

(2) Tiada sesiapa pun boleh mengimport, mengiklankan atau menjual sebarang alat dengan melanggar sebarang kenyataan yang disebutkan dalam cerai (1).

(3) Mana-mana orang yang melanggar cerai (2) adalah melakukan kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dihukum penjara selama 5 tahun atau dikenakan suatu denda atau kedua-duanya sekali.

Peraturan-peraturan.

16. Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud menjalankan Perintah ini dan, tanpa menjejaskan keluasan makna peruntukan ini –

- (a) untuk menetapkan piawaian, komposisi, kekuatan, potensi, ketulenan, kualiti, berat, kuantiti, tempoh simpan atau sifat lain sebarang makanan ;
- (b) untuk melarang penambahan, atau melebihi dari kuantiti tertentu, suatu bahan yang ditetapkan ;

- (c) untuk mengisytiharkan bahawa sebarang makanan atau jenis makanan dianggap sebagai tercemar atau memudaratkan kesihatan kerana ada di dalamnya, penambahan kepadanya, atau pengekstrakan atau peninggalan daripadanya, sebarang bahan atau jenis bahan yang ditetapkan ;
- (d) untuk melarang sebarang cara penyediaan atau pengawetan sebarang makanan ;
- (e) mengenai kelayakan, kelakuan dan kewajipan-kewajipan orang yang dilantik sebagai penganalisa makanan di bawah ceraian (1) bab 3 ;
- (f) berkaitan dengan penggunaan sebarang makanan atau ramuan, bagi mengelakkan seseorang pembeli atau pengguna dari terkeliru tentang kualiti, kuantiti, ciri, nilai, komposisi, kesan, merit atau keselamatannya, atau bagi mengelakkan kemudaratkan pada kesihatan seseorang pembeli atau pengguna ;
- (g) untuk memastikan kebersihan dan bebas dari keadaan kotor sebarang makanan semasa penyediaan, pengawetan, pembungkusan, penyimpanan, pembawaan, pengagihan atau penjualannya, untuk memastikan kebersihan dan bebas dari keadaan kotor sebarang tempat, bekas, alat atau kenderaan yang digunakan dalam penyediaan, pengawetan, pembungkusan, penyimpanan, pembawaan, pengagihan atau penjualan itu dan untuk memastikan perjalanan yang sewajarnya sebarang tempat di mana penjualan atau penyediaan bagi penjualan makanan dilakukan, dan bagi sebarang maksud ini untuk menghendaki mana-mana orang supaya patuh kepada pemeriksaan perubatan ;
- (h) untuk mempersyaratkan pendaftaran bangunan yang digunakan bagi, atau orang yang terlibat dalam penyediaan, pengawetan, pembungkusan, penyimpanan, pembawaan, pengagihan atau penjualan, sebarang makanan atau dalam pelabelan semula, pemprosesan semula atau penyesuaian semulanya ;
- (i) berkaitan dengan pembawaan sebarang makanan, termasuk pelesenan kenderaan yang digunakan ;
- (j) untuk mempersyaratkan dan mengawalselia penggunaan berhubung dengan makanan dalam sebarang bentuk apa pun semasa menjalankan perdagangan atau perniagaan

- ungkapan-ungkapan "Halal", "Ditanggung Halal" atau "Makanan Islam" atau sebarang ungkapan lain yang menunjukkan atau mungkin difahami sebagai menunjukkan bahawa orang Islam adalah dibenarkan menurut agama mereka untuk memakan makanan itu ;
- (k) untuk menetapkan cara melabel makanan yang dijual dalam bungkusan ataupun dengan cara lain perkara yang hendak disebut atau tidak disebut pada label itu ;
  - (l) untuk menetapkan saiz, dimensi dan spesifikasi lain bungkusan sebarang makanan ;
  - (m) untuk menetapkan cara menganalisa sebarang makanan ;
  - (n) untuk melarang atau mengawalselia penjualan, pengiklanan, galakan penjualan, pengimportan atau pengeksportan sebarang makanan atau alat ;
  - (o) untuk menetapkan sebarang makanan yang menghendaki supaya suatu akujanji diberikan dan bentuk akujanji itu ;
  - (p) untuk menghendaki orang-orang yang menjual makanan supaya menyenggara buku dan rekod yang perlu bagi pematuhan Perintah ini ;
  - (q) untuk mengecualikan sebarang makanan dari Perintah ini atau dari mana-mana bahagiannya dan untuk menetapkan syarat-syarat pengecualian itu ;
  - (r) untuk menetapkan prosedur bagi mengambil dan mengendalikan contoh ;
  - (s) untuk membentuk satu jawatankuasa atau jawatankuasa-jawatankuasa bagi memberi nasihat kepadanya mengenai sebarang aspek pengilangan, pengagihan atau penggunaan sebarang makanan, atau mengenai aspek-aspek sains, teknologi, pentadbiran atau perdagangan berhubung dengan sebarang makanan, piawaian makanan dan keselamatan makanan ; dan
  - (t) untuk menetapkan bayaran yang kena dibayar di bawah ceraiian (2) bab 8.

JADUAL

BORANG 1

Bab 4(1)

PERINTAH DARURAT (KESIHATAN AWAM) (MAKANAN), 1998

NOTIS RAMPASAN

Kepada :

.....  
.....

Sila ambil perhatian bahawa di bawah bab 4(1) dari Perintah tersebut, barang-barang yang disebutkan di bawah

.....  
.....  
..... yang terletak di .....

..... yang telah dibunuh dengan lak di bawah bab 4(1) dari Perintah tersebut telah dirampas oleh saya jam ..... pagi/petang pada ..... haribulan ..... 19 ..... di bawah bab 4(1) dari Perintah tersebut.

Jika kamu mempunyai sebarang alasan untuk menuntut barang-barang ini kamu boleh membuat aduan kepada Mahkamah Majistret di bawah bab 4(1) dari Perintah tersebut dalam tempoh ..... jam dari masa rampasan, sekiranya kamu gagal berbuat demikian barang-barang ini akan menjadi milik Kerajaan dan hendaklah dimusnahkan ataupun dengan cara lain dilupuskan bagi mengelakkan ia digunakan untuk makanan manusia atau pemakaian.

Bertarikh pada hari ini ..... haribulan .....19 .....

.....  
Pegawai yang dilantik di bawah Perintah tersebut

Bagaimana disampaikan .....

Bila disampaikan .....

Disampaikan oleh siapa .....

**PERINTAH DARURAT (KESIHATAN AWAM) (MAKANAN), 1998**

**SIJIL PENGANALISA**

Saya, yang bertandatangan di bawah, seorang penganalisa yang dilantik di bawah Perintah tersebut, dengan ini memperakui bahawa pada ..... haribulan ..... 19 ..... saya telah menerima melalui ..... daripada ..... seorang pegawai yang dilantik di bawah Perintah tersebut, suatu contoh ..... yang terkandung di dalam suatu ..... yang ditutup rapat, dilabel ..... dan dilak .....

Saya selanjutnya memperakui bahawa suatu analisa contoh itu telah dibuat dan bahawa hasil analisa itu adalah seperti berikut –

Disaksikan dengan tandatangan saya pada hari ini .....  
haribulan ..... 19.....

.....  
Penganalisa

Diperbuat pada hari ini 16 haribulan Safar Tahun Hijrah 1419 bersamaan dengan 11 haribulan Jun, Tahun Masihi 1998 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**